



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA
PERINGKAT NEGERI MELAKA 2021
TARIKH: 11 APRIL 2021 (AHAD), MASA: 11.30 PAGI
DI HALL A, MITC

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Allahuma Solli Ála Sayyidina Muhammad Waála Ali
Sayyidina Muhammad.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera, dan

**Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia;**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Rahmad bin Mariman,
EXCO Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ismail bin Ali,
Pengarah Kesihatan Negeri Melaka;

Yang Berusaha Dr. Rusdi bin Abd Rahman,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam);

Yang Berusaha Dr. Hjh Zuraini binti Zainal,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan);

Seterusnya, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama di Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2021.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan majlis yang cukup bermakna ini.
3. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan majlis ini dengan begitu baik.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA

4. Saya dimaklumkan, pada sebelah pagi tadi, telah diadakan satu forum bagi meningkatkan pengetahuan serta berkongsi pengalaman bersama panel jemputan. Saya difahamkan forum tersebut telah mengupas tentang usaha dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh anggota barisan hadapan dalam mengawal rantai COVID-19 ini.

5. Justeru, saya sangat berbesar hati kerana dapat berjumpa dengan semua petugas-petugas barisan hadapan pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua anggota dan jabatan barisan hadapan yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha menghentikan rangkaian COVID-19 ini. Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan tuan-tuan adalah sangat besar kepada negara dan rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan tema bagi tahun 2021 ini adalah: **Ke arah dunia yang lebih sihat dan saksama (*Building a fairer, healthier world*)**. Saya akui, seluruh negara di dunia termasuklah Malaysia sedang bertungkus lumus menghentikan rantaian COVID-19 ini. Semua sedia maklum, negara kita dikenakan PKP atau Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 hingga ke hari ini dengan terma dan syarat yang berbeza. Hampir semua sektor ekonomi terkesan dengan arahan PKP ini. Cara hidup kita juga telah berubah ke arah cara hidup

yang baharu atau yang dinamakan sebagai norma baharu.

7. Kita sangat bersyukur kerana negara kita adalah antara negara dalam dunia yang menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat. Sistem kesihatan kerajaan kita sangat teratur bermula daripada klinik desa yang berada jauh di kampung-kampung sehinggalah kepada klinik kesihatan, klinik komuniti dan hospital-hospital yang menyediakan perkhidmatan kepakaran dan sebagainya. Secara amnya, seluruh rakyat

mempunyai kesaksamaan dalam mendapatkan kemudahan kesihatan di premis-premis kesihatan kerajaan ini.

8. Selain kerajaan, pihak swasta juga banyak menyumbang kepada peningkatan perkhidmatan kesihatan di negara kita. Di Melaka ini sahaja terdapat beberapa hospital swasta seperti Mahkota Medical Centre, Hospital Putra, Hospital Oriental dan Hospital Pantai yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat selain banyak lagi klinik swasta di seluruh Negeri Melaka. Perkhidmatan kesihatan di Melaka juga menjadi

tarikan pelancong kerana Negeri Melaka terkenal dengan Negeri Pelancongan Kesihatan atau ***Health Tourism State***.

Saudara dan saudari sekalian,

PROGRAM IMUNISASI KEBANGSAAN COVID-19

9. Negara kita sekarang dalam proses menjalani Program Imunisasi Kebangsaan COVID-19. Seperti yang kita maklum, program vaksinasi ini terbahagi kepada tiga fasa dan fasa pertama telah bermula di

mana anggota barisan hadapan telah diberi vaksinasi terlebih dahulu. Ia bertujuan untuk melindungi anggota barisan hadapan daripada jangkitan COVID-19 dan untuk memastikan supaya perkhidmatan kesihatan kita tidak lumpuh.

10. Dalam fasa kedua pula, adalah bagi mereka yang berisiko dan warga emas dan seterusnya di fasa ketiga adalah untuk semua rakyat yang layak menerima vaksinasi ini. Dengan kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan, maka ia selari dengan tema Hari Kesihatan Sedunia kita pada

tahun ini di mana semua lapisan masyarakat akan mendapat perkhidmatan kesihatan secara adil dan saksama. Kerajaan kita juga telus dalam melaporkan data-data berkaitan dengan pandemik COVID-19 di mana ianya boleh diketahui oleh rakyat melalui saluran-saluran yang sah daripada pihak kerajaan.

11. Pada perspektif yang sama, berdasarkan laporan harian pendaftaran vaksinasi di MySejatera sehingga **8 April 2021**, saya dapati sejumlah **275,213** iaitu **39.30 peratus** rakyat Melaka telah mendaftar untuk menerima vaksin ini. Sehubungan dengan itu,

terdapat ramai lagi rakyat di Negeri Melaka ini yang masih belum mendaftar di MySejahtera. Saya mohon bantuan semua kakitangan barisan hadapan untuk sama-sama bantu menyebarkan berkaitan kebaikan vaksinasi ini. Daftarliah dan sampaikanlah kepada ahli keluarga dan saudara-mara agar turut mendaftar. Kita mesti wujudkan imuniti kelompok dalam kalangan rakyat kita dengan segera agar dapat memberi impak kepada pemulihan sektor ekonomi, sosial dan lain-lain.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP

12. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sebagai anggota barisan hadapan dalam memerangi COVID-19. Sesungguhnya segala khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan hanya Allah yang dapat membalasnya. Terima kasih juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka di bawah pimpinan Yang Berbahagia Datuk Dr. Ismail bin Ali selaku Pengarah Kesihatan Negeri dalam memastikan rakyat Negeri

Melaka ini mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

13. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 ini.

Sekian wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warohmatullahi wabarokatuh.